

METRO AHAD

RUMAH TRADISIONAL MELAYU

SENI BINA YANG DILUPAKAN MASA

Tidak menggunakan paku, mampu bertahan ratusan tahun, mempunyai sistem pengudaraan, mengikut arah kiblat dan paling utama kaya dengan keindahan seni halus tangan.

Itu antara kehebatan seni bina rumah tradisional Melayu yang menggambarkan bagaimana masyarakat Melayu dahulu pakar dalam membina struktur binaan rumah kayu.

Ia bukan saja sebagai tempat berlindung, sebaliknya salah satu ruang ekspresi seni halus atau kerja tangan selain menzahirkan ciri unik sesuatu etnik Melayu yang menerapkan unsur Islam yang amat mendalam.

Tidak hairanlah jika meninjau rumah tradisional ini, pasti akan terselit ukiran indah seperti motif flora dan fauna, kaligrafi, geometri dan alam (kosmos) yang dizahirkan pada struktur bangunan.

Ukiran ini pula diterjemahkan dalam pelbagai kaedah seperti ukiran tebuk tembus, ukiran tebuk timbul dan ukiran larik.

Oleh kerana ciri-ciri unik inilah, hasil binaan rumah tradisional kini diangkat sebagai salah satu warisan bangsa dan pengenalan identiti masyarakat Melayu.

Biarpun struktur binaan rumah Melayu tradisional bukanlah pilihan masyarakat Melayu moden masa kini, namun usaha untuk memulihara struktur binaan ini giat dijalankan oleh Muzium Warisan Melayu (MWM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor.

Usaha ini dapat dilihat apabila sebanyak empat rumah tradisional Melayu asal berjaya dipulihara dan dipindahkan di laman muzium ini sebagai salah satu kaedah pemuliharaan daripada hilang ditelan zaman.

Pemuliharaan ini diketuai sendiri Pengarah MWM Dr Muhammad Pauzi Abd Latif yang menjalankan kerja mencari, mengenal pasti, mengkaji seterusnya melaksana kerja pemindahan dan pemuliharaan sejak 2011.

Menurut Dr Muhammad Pauzi, empat buah rumah itu dipilih berdasarkan kepada empat ciri yang perlu ada pada rumah berkenaan iaitu ciri seni bina tradisional, nilai sejarah yang tersembunyi pada rumah berkenaan, nilai estetika dan kerja pemuliharaan rumah itu tidak melebihi 20 peratus.


Katanya, peranan memulihara rumah berkenaan dibuat berikutan mendapati rumah tradisional Melayu kini sudah semakin pupus berikutan tidak lagi dibina selain perkembangan teknologi yang membuatkan masyarakat memilih membina rumah batu.

“Atas faktor ini, kita mengambil langkah untuk mencari rumah tradisional lama dan mempunyai sejarah serta nilai estetikanya untuk dipulihara.

“Jika kita tidak lakukan pemuliharaan ini, kita percaya mungkin untuk tempoh beberapa tahun lagi, rumah tradisional Melayu akan pupus dan lenyap,”katanya.

Dr Muhammad Pauzi berkata, keunikan rumah tradisional Melayu ini sebenarnya sudah lama mendapat perhatian pengkaji Barat yang turut membuat kajian.

Katanya, faktor utama ia mendapat perhatian pengkaji barat berikutan rumah tradisional Melayu ini sumber paling lengkap untuk menterjemah



PEGAWAI Tadbir/Kurator, Khairul Nishak Harun menunjukkan tiang yang disambung tidak menggunakan paku di Rumah Negeri Sembilan di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM).

penguasaan bangsa Melayu dalam bidang binaan, pertukangan, seni halus dan dalam pencapaian aspek kerohanian.

“Berdasarkan kajian, rumah Melayu dulu sebenarnya bukan dibina sebarangan. Sebaliknya untuk memilih tapak saja memerlukan penelitian termasuk mengambil kira arah kiblat.

“Bila tapak sesuai sudah dijumpai, proses menaikkan rumah ini kemudian dibuat secara bergotong-royong. Menerusi proses menaikkan struktur rumah inilah kita boleh dapati betapa bijaknyanya masyarakat terdahulu

membuat rumah biarpun tanpa panduan pelan, namun rumah mampu berdiri tegak, kukuh dan tahan lama,” katanya.

Menurut Dr Muhammad Pauzi, bukti kehebatan masyarakat Melayu dalam membina rumah ini dapat dilihat apabila mereka mampu membina struktur berbeza setiap rumah bagi menggambarkan siapa pemilik rumah berkenaan mengikut, status darjat atau pangkat.

Perbezaan itulah yang menjadikan rumah tradisional Melayu ini unik dan betapa hebatnya seni pertukangan Melayu dahulu.

“

Bila tapak sesuai sudah dijumpai, proses menaikkan rumah ini kemudian dibuat secara bergotong-royong. Menerusi proses menaikkan struktur rumah inilah kita boleh dapati betapa bijaknyanya masyarakat terdahulu membuat rumah biarpun tanpa panduan pelan namun rumah mampu berdiri tegak, kukuh dan tahan lama”

Dr Muhammad Pauzi Abd Latif

»PROFIL

■ **Nama:** Dr Muhammad Pauzi Abd Latif

■ **Asal:** Klang, Selangor

■ **Pendidikan:** Doktor Falsafah (PhD) Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

■ **Jawatan:** Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM

■ **Kajian:** Seni Bina Rumah Tradisional Melayu

■ **Tarikh mula kajian:** Sejak 2011

